

'Utamakan paduan kolektif Asean'

Oleh NAZRI ABDULLAH

KUALA LUMPUR, Sabtu.— Para usahawan dan bank di rantau Asean digesa mengurangkan pergantungan kepada negara perindustrian, tetapi sebaliknya memesatkan kerjasama ekonomi serantau agar Asean muncul sebagai satu entiti ekonomi yang kukuh dan serba lengkap.

Sudah sampai masanya bagi Asean bekerjasama mengadakan paduan kolektif bagi menyelamatkan ekonomi kebangsaan dan serantau.

"Kita sepatutnya memikirkan sesuatu dalam konteks Asean kerana Asean menyumbangkan sebahagian besar dari perniagaan dunia di samping negara perindustrian.

"Banyak peluang perniagaan, pelaburan dan kewangan boleh dilakukan atas dasar kerjasama di rantau Asean. Sayangnya, perkara ini belum wujud lagi."

Demikian antara gesaan Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah dalam ucapan dasarnya di Persidangan Keempat Bank-bank Asean hari ini.

Katanya, bank-bank Asean yang kebanyakannya berkembang maju kerana pembangunan dan kemajuan Asean sepatutnya menumpu ke arah mewujudkan kerjasama antara usahawan Asean.

Tambah beliau, kerjasama seperti ini perlu kerana

sekiranya negara perindustrian mengenakan dasar pilih kasih dalam hubungan ekonomi maka secara kolektif rantau Asean boleh bertindak balas.

Menurut beliau, kebanyakan negara Asean kini masih meneruskan polisi perniagaan dan ekonomi secara persendirian, di samping mengadakan hubungan dengan negara perindustrian secara tersendiri.

"Asean banyak mengeluarkan dan mengekspor barangan utama dunia dan menyediakan kemudahan pengangkutan kapal dan bank. Mengapakah kita tidak melihat perkara ini sebagai potensi mengadakan satu blok perniagaan seperti negara-negara perindustrian?" ujar beliau.

Tengku Razaleigh seterusnya menegaskan, negara-negara Asean mestilah memikirkan ke arah menyelamatkan kepentingan kebangsaan dan serantau, memandangkan kebanyakan negara-negara perindustrian sekarang ini mengamalkan dasar "protectionisme".

Menyentuh kritikan dari setengah usahawan Asean yang menuduh kerajaan Asean gagal mewujudkan perdagangan negara serantau, Tengku Razaleigh menerangkan:

"Kebanyakan kritikan itu berasaskan sumber yang salah. Saya ingin menegaskan di sini bahawa kerajaan Asean berjaya menyediakan rangka-rangka perdagangan dan pelaburan serantau, tetapi terserahlah kepada pihak swasta dan usahawan meneruskannya."